BERITA HARIAN - 26 JUNE 2013

NHF ALLOCATES RM50M CAPITAL EXPENDITURE FOR 2013

NHF peruntuk RM50j belanja modal 2013

New Hoong Fatt Holdings Bhd (NHF), pengeluar komponen automotif, memperuntukkan lebih RM50 juta bagi modal perbelanjaan tahun ini.

Pengarah Urusannya, Chin Jit Sin, berkata sejumlah besar daripada pelaburan itu akan digunakan untuk pengembangan produk dan kapasiti.

"Tahun ini, kumpulan kami akan terus berkembang secara berhemat di samping mencari peluang pertumbuhan," katanya kepada media selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di Kuala Lumpur, semalam

Penuhi permintaan perniagaan

Beliau berkata, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, kumpulan itu telah menyalurkan usahanya untuk memenuhi permintaan perniagaan yang semakin meningkat, dengan melabur RM54 juta lagi dalam hartanah, loji dan peralatan.

Chin berkata, syarikat itu juga akan terus memberi tumpuan kepada usaha mengembangkan eksport pasaran yang kini menyumbang kira-kira 38.53 peratus kepada jumlah pendapatan.

ASEAN adalah antara pasaran eksport teras syarikat, kata beliau.

Chin berkata selain ASEAN, kumpulan itu kini mengeksport ke lebih 50 negara, termasuk Algeria, Tunisia, Bangladesh, Maghribi, Fiji, Pakistan, Libya, Taiwan, China dan India, serta Asia Barat, Amerika Tengah dan

Selatan serta Eropah.

Beliau berkata, anak syarikat kumpulan itu di luar negara iaitu di China dan Indonesia juga berkembang.

BERNAMA